

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.02.01/10.12/2 Jld. 7 (88)

15 September 2009
25 Ramadan 1430

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 40/2009

KRITERIA PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PENSYARAH KANAN (GRED DS52) BAGI PENSYARAH (GRED DS45) YANG TIDAK MEMPUNYAI Ph.D

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 13/2009 pada 30 Jun 2009 dan Bil. 20/2009 pada 15 September 2009 telah bersetuju bahawa urusan kenaikan pangkat bagi jawatan Pensyarah Kanan (Gred DS52) yang tidak mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dilakukan berdasarkan kriteria dan syarat-syarat seperti berikut:

- i) Memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Skim Perkhidmatan Pensyarah iaitu:
 - a) Disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - c) lulus semua Peperiksaan Tahap Kecekapan (PTK);
 - d) diperakukan oleh Ketua Jabatan; **dan**

- ii) Memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak Universiti pada 15 September 2009 iaitu:
 - a) Lulus PTK3 atau PTK4 dengan mendapat Aras 3 atau Aras 4;
 - b) berumur 40 tahun dan ke atas atau berkhidmat dalam jawatan Pensyarah (Gred DS45) lebih dari 12 tahun;

- c) mengemukakan atau menghasilkan satu (1) artikel jurnal indeks ISI dan berimpak 0.5 ke atas atau kelayakan profesional (Ir., Sr., Ar. dan setaraf).

2. Semua staf yang berkaitan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya dan semua Dekan Fakulti juga adalah dipohon untuk melaksanakan proses kenaikan pangkat bagi staf yang belum mempunyai Ph.D mengikut panduan peraturan di atas. Perakuan dan pengesahan fakulti berserta salinan artikel berkaitan hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Pendaftar untuk tindakan selanjutnya.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k. - Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni)
- Pengarah International Campus, Kuala Lumpur
- Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah